

Headline	Berbudi dengan bumi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	30to32	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	2578 cm²
Journalist	IFQDAR RAHMAN		
Frequency	Daily	AdValue	RM 50,952
		PR Value	RM 152,857



Berbudi dengan bumi

EIZAAZ (atas) dan
Fareez (bawah)
menerima sijil
penyertaan daripada
wakil FRIM, Hazlin
Abd. Rahim.

Oleh IFQDAR RAHMAN
ifqdar.rahman@utusan.com.my
Gambar FARIZWAN HASBULLAH dan Ihsan ADIB SC

SEDAR akan tanggungjawab mereka sebagai ikon alam sekitar, Eizaaaz Fareez Zakaria, 27 dan Fareez Vincent Amos, 26, tidak melepaskan peluang untuk berbaik kepada bumi demi keseimbangan ekosistem sejagat.

Diberi peluang untuk menyertai aktiviti penanaman semula pokok-pokok hutan anjuran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) baru-baru ini, ia dilihat platform terbaik bagi kedua-dua jejaka tinggi lampai itu memberi sumbangan tenaga ke arah menghijaukan semula alam sekitar yang dilihat berada pada tahap yang hampir kronik terutama di luar negara.

Kedua-duanya berpendapat, aktiviti yang sihat seperti itu bukan sahaja memberi manfaat kepada diri sendiri, malah kepada keseluruhan makhluk yang terdapat di dunia, terutama kehidupan di muka bumi yang memerlukan dedaunan bagi membolehkan sistem pernafasan berjalan lancar.

Peluang ekopelancongan

Selain dapat mengekalkan kehijauan muka bumi daripada terus dirobek oleh pembangunan yang zalim, Eizaaaz turut berharap agar program penghijauan semula hutan di negara ini dapat meningkatkan ekonomi negara menerusi projek ekopelancongan.

Menurutnya yang berdarah kacukan Melayu-Siam itu, ekopelancongan merupakan bidang yang mempunyai potensi paling besar dalam industri pelancongan dunia amnya dan semakin berkembang.

"Apabila negara kita mempunyai keluasan hutan yang besar, peluang untuk mewujudkan salah satu cabang pelancongan ini juga besar kerana ketika ini, pelancong-pelancong di seluruh dunia begitu menitikberatkan perihal alam sekitar dan cuba untuk mendalamai kehijauan alam semula jadi dengan lebih terperinci."

"Jika di negara luar, kesedaran mengenai alam sekitar semakin memuncak dan sebab itulah ekopelancongan mula mendapat tempat di beberapa buah negara sehingga ia menjadi salah satu penyumbang ekonomi terbesar," katanya yang merupakan pemegang gelaran sulung Mister Planet Malaysia 2014 (MPM2014) yang dinobatkan November tahun lalu.

Pada masa yang sama, tambah jejak yang dibersarkan di Alor Setar, Kedah itu, aktiviti lawatan ke dalam hutan hijau terutamanya hutan simpan mampu mengimbang kembali sifat-sifat semula jadi, sekaligus berkaitan asal-usul serta kebudayaan masyarakat lama.

Di samping mengetahui ilmu alam, katanya ia turut membantuan pelancong mengenal kebudayaan sesuatu kawasan berdasarkan jenis kehidupan flora dan fauna yang terdapat dalam sesebuah hutan.

"Sebagai Mister Planet Malaysia 2014 yang mengangkat tema alam sekitar, saya

Headline	Berbudi dengan bumi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	30to32	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	2578 cm²
Journalist	IFQDAR RAHMAN	AdValue	RM 50,952
Frequency	Daily	PR Value	RM 152,857

sepuh jiwa cuba mendekatkan diri dengan aktiviti sebegini yang dilihat mampu memberi kelebihan kepada saya apabila mewakili negara ke pertandingan peringkat dunia di Manila, Filipina pada Oktober ini," jelasnya yang berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (Kewangan Korporat) dari Universiti Derby, United Kingdom itu.

Malaysia masih 'hijau'

Dalam pada itu, pemuda yang berketurunan Melayu-Portugis, Fareez beranggapan bahawa keadaan ekosistem di Malaysia berada pada tahap yang baik dan belum mencapai fasa kronik seperti di beberapa buah negara lain.

"Negara kita terkenal dengan pelbagai destinasi pelancongan yang mengetengahkan kehijauan alam. Sebagai contoh, Gua Niah di Sarawak, Gunung Kinabalu di Sabah, Hutan Simpan Kuala Tahan di Pahang serta banyak lagi lokasi menarik di seluruh negara.

"Kesemuanya bermodalikan keindahan semula jadi yang dianugerahkan Allah kepada negara kita. Disebabkan itu, sebagai generasi muda hari ini, saya menggunakan kesempatan untuk berbakti kepada bumi dengan menyertai aktiviti yang mendatangkan faedah pada masa akan datang.

"Penduduk negara ini sewajarnya bersyukur kerana usaha proaktif kerajaan memulihara hutan di negara ini banyak membantu kita menikmati faedah di sebaliknya," katanya yang berasal dari Taiping, Perak itu.

Pun begitu, Fareez menasihatkan agar usaha tersebut tidak disia-siakan oleh generasi hadapan kerana tanpa hutan, kehidupan di muka bumi ini akan merana dan sengsara dek ketidakseimbangan yang bakal wujud.

"Aktiviti pembalakan harus dikawal selia sebaik mungkin daripada terus merosakkan alam sekitar yang akhirnya membinaaskan kehidupan sejagat."

"Kita boleh untuk hidup dalam serba kemodenan, tetapi biarlah tema hijau itu turus kekal menjadi budaya hidup. Arkitek yang bijak adalah mereka yang mampu merekabentuk bangunan atau landskap yang moden, di samping tidak melupakan kepentingan alam," katanya yang bakal mewakili negara ke pertandingan Mister United Nations 2014 peringkat dunia di Kingston, Jamaica pada Julai hadapan.



EIZAAZ (enam dari kanan) dan Fareez (tujuh dari kiri) bersama finalis MPM2014 serta pegawai-pegawai FRIM.



Aktiviti yang sihat seperti ini bukan sahaja memberi manfaat kepada diri sendiri, malah kepada keseluruhan makhluk yang hidup di dunia

Berehat seketika

BERALIH ke karier seni masing-masing, Eizaaaz yang pernah mengacarakan program berbentuk majalah televisyen berjudul *Wira* terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM) suatu ketika dahulu berharap agar dapat meneruskan cicitanaya dalam bidang pengacaraan sejurus pulang dari Manila kelak.

"Buat masa ini, terdapat beberapa tawaran yang terpaksa ditolak bagi memberikan sepenuh komitmen terhadap pertandingan peringkat dunia Mister Planet 2014 tidak lama lagi. Ia tanggungjawab yang besar kerana membawa nama Malaysia dan akan bersaing dengan hampir 50 delegasi dari negara lain."

"Insya-Allah, selepas berakhir pertandingan ini dan masih diberi kepercayaan sebagai pengacara, saya akan sahut cabaran itu untuk melakar nama dalam bidang tersebut."


"Sayu ineminunt untuk mengendalikan program bual bicara yang menjurus ke arah topik serius terutamanya isu kewangan dan perbankan tetapi disampaikan secara santai untuk pengetahuan generasi muda seperti saya," iltizamnya.

Sementara itu, Fareez yang mula berjinak-jinak dalam bidang lakonan berharap dapat mengembangkan lagi bakatnya dengan memegang watak yang lebih mencabar.

Terbaharu, drama lakonannya, *Lembayang Kasihmu* akan mula disiarkan di TV2, setiap Isnin, pukul 9 malam bermula 30 Jun ini.

"Itu adalah pengalaman pertama saya dalam bidang ini. Selalunya kebanyakan pelakon bermula sebagai watak tambahan, tetapi saya bersyukur kerana diberi peluang untuk mendukung watak pembantu."

"Ia suatu yang menyeronokkan walaupun tidak pernah terlintas untuk bergelar pelakon. Apapun, sama seperti Eizaaaz, saya kim berhenti seketika menerima tawaran kerana menumpukan sepenuh perhatian untuk persiapan ke Kingston. Saya akan bertolak ke sana pada hujung bulan ini dan berharap dapat mengharumkan nama negara," katanya yang merupakan graduan lepasan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam jurusan Ijazah Sarjana Teknologi Seni Halus.



EIZAAZ (dua dari kanan) dan Fareez (kanan) mengenal pasti jenis pokok yang bakal ditanam dengan bantuan daripada pegawai FRIM yang bertugas.

Headline	Berbudi dengan bumi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	30to32	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	2578 cm ²
Journalist	IFQDAR RAHMAN	AdValue	RM 50,952
Frequency	Daily	PR Value	RM 152,857

